

12/04/2002

Islam punca Malaysia aman: PM

Kadir Dikoh

PETALING JAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia aman, harmoni, makmur dan pesat membangun kerana majoriti orang Melayu dan Islam patuh terhadap ajaran sebenar Islam dan menolak tafsiran yang dibuat untuk agenda politik.

Malah, Perdana Menteri berkata, kejayaan terbesar Malaysia dalam pengurusan hubungan kaum dicapai kerana Islam, yang dianuti kebanyakan rakyatnya.

"Oleh sebab itu, kita boleh menyatakan bahawa Islam adalah sebab keamanan dan keharmonian di Malaysia. Islam adalah juga sebab mengapa Malaysia mencapai pembangunan pesat," katanya.

Dr Mahathir mengakui kenyataan itu mungkin sukar diterima kerana Islam serta umatnya sering dikaitkan sebagai golongan tidak berupaya untuk berbaik-baik dengan penganut agama atau kaum lain, malah di kalangan sesama ummah yang mempunyai mazhab berlainan.

Beliau berkata, umat Islam juga dikatakan tidak rasional, keras kepala dan tidak berupaya untuk memerintah serta membangunkan negara, malah dikaitkan dengan keganasan serta perbuatan ganas.

"Bolehkah umat Islam Malaysia menyumbang kepada keamanan dan keharmonian di kalangan rakyat yang canggung dari segi kaum dan agama? Jawapannya ialah mereka boleh jika mereka menurut ajaran Islam sebenar.

"Islam yang dipraktikkan Nabi Muhammad yang membawa keamanan kepada suku-suku Arab yang bermusuh dan membawa mereka ke dalam satu ummah atau pengikut masyarakat, kemudian disertai kaum lain dan akhirnya membina satu tamadun Islam selama 1,300 tahun, lebih lama daripada tamadun Roman," katanya.

Beliau menegaskan demikian dalam ucap tama pada persidangan Kemasyarakatan Asia Williamsburg di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini, malam ini, yang dihadiri pegawai tertinggi dari Asia dan Amerika Syarikat termasuk wakil kerajaan, sektor perniagaan, media dan ahli akademik.

Dr Mahathir juga berkata, dulu orang Arab sebaik saja memeluk Islam berupaya memerintah kerajaan dan membangunkan tanah air mereka, malah kerap bekerjasama atau menggunakan khidmat bukan Islam.

"Sebenarnya, orang Yahudi kerap bekerja sebagai anggota kanan dalam kerajaan Islam Al-Andalus dengan dipanggil orang Arab sebagai Sepanyol. Begitulah tolak ansurnya orang Islam sehingga ramai orang Yahudi berhijrah ke negara Islam di Afrika Utara selepas serangan Sepanyol yang dilakukan Catholic Ferdinand dan Isabela.

"Begitu juga di Eropah Timur, orang Slavic dengan gembira bekerjasama dengan orang Islam Turki," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa jika hari ini umat Islam dilihat seolah-olah tidak berupaya mencapai kemajuan dan hidup aman dengan masyarakat lain, ia bukan disebabkan ajaran Islam sebaliknya kerana kebanyakannya menyelewengkan ajaran sebenar untuk agenda sendiri.

Di negara ini, katanya, kebanyakan orang Islam patuh terhadap ajaran itu dan tidak bersikap melampau dengan memberi penekanan terhadap persaudaraan sesama ummah.

Malah, kata Perdana Menteri, mereka juga tidak mahu bermusuh dengan bukan Islam kecuali diserang.

Beliau juga berkata, Malaysia boleh dikatakan sebagai negara yang benar-benar menggambarkan kependudukan di Asia dengan tiga kaum utamanya.

Katanya, Melayu secara etniknya sama dengan kaum di Indonesia, Filipina,

Thailand, Myanmar dan Kemboja, selain mempunyai penduduk Cina dari China dan India dari tanah India.

(END)